

Peristiwa bawa mesej tersirat untuk umat Islam

ISRAK dan Mikraj adalah peristiwa amat bermakna bagi pembinaan tamadun Islam. Peristiwa ini amat penting dalam sejarah kerana ketika inilah Rasulullah naik ke langit hingga lapisan ke tujuh, serta umat Nabi Muhammad diwajibkan untuk menunaikan solat fardu lima kali sehari.

Peristiwa ini bukti keagungan, kebesaran serta kekuasaan Allah. Israk yang memberi erti perjalanan Rasulullah pada malam hari dengan menaiki burak, yang dikatakan makhluk berwarna putih, bermula di Masjidil Haram di Makkah hingga ke Masjid Al-Aqsa di Baitulmaqdis. Manakala Mikraj bermaksud naiknya Rasulullah ke langit, dari Masjid Al-Aqsa ke Sidratul Muntaha.

Ulama hadis, fikah dan tafsir berpendapat peristiwa Israk dan Mikraj adalah dua peristiwa yang berlaku hanya satu malam dan Rasulullah berada dalam keadaan sedar. Mereka berpendapat,

ia berlaku pada jasad serta roh Nabi Muhammad dan bukan hanya roh seperti persepsi pengkaji Barat.

Hingga kini, ada kalangan Muslim sendiri yang masih ragu-ragu kebenaran peristiwa itu, meskipun dinyatakan secara jelas di dalam al-Quran serta hadis. Tetapi, pada zaman teknologi yang serba canggih ini, perjalanan sejauh Masjidil Haram ke Masjid Al-Aqsa dalam waktu yang sedemikian singkat, sepatutnya sudah relevan.

Jika dahulunya, manusia menganggap perjalanan dari Makkah ke Palestin mengambil tempoh semalaman adalah mustahil, pendapat sebegitu dilihat munasabah kerana pada zaman itu, kenderaan yang ada hanya unta dan kelajuannya cuma 60 kilometer sejam.

Tetapi, apabila teknologi semakin canggih seperti penggunaan pesawat SR-71 Blackbird yang kelajuannya menjangkau 3,000 kilometer sejam, perjalanan itu hanya

mengambil masa kurang dari empat jam pada masa kini.

Begitu juga dengan penciptaan roket, di mana kelajuannya menjangkau 40 ribu kilometer sejam.

Pada zaman akan datang, teknologi manusia akan terus berkembang hingga kelajuan pesawat akhirnya dapat menyamai kelajuan cahaya.

Jika manusia mampu membuat logam yang kaku tidak bergerak kepada sebuah pesawat yang berkelajuan tinggi, apakah mustahil bagi Allah untuk menciptakan kenderaan atau makhluk yang lebih laju daripada cahaya?

Manusia menggunakan bahan sedia ada untuk mencipta sesuatu yang hebat, apatah lagi Maha Pencipta, yang mampu mencipta sesuatu daripada tiada kepada ada.

Apa yang lebih wajar dipersoalkan ialah mengapa terjadinya Israk Mikraj, bukannya bagaimana Israk Mikraj terjadi.

Berdasarkan kepada al-Quran,

ayat 78 surah Al-Israk, peristiwa Mikraj adalah supaya Nabi Muhammad menerima mandat untuk melaksanakan solat fardu lima kali sehari. Maka, solat ini adalah inti pati peristiwa Israk Mikraj.

Jika diteliti, peristiwa perjalanan Rasulullah ini turut membawa mesej yang tersirat.

Pertama, terdapat penderitaan dalam perjuangan yang mampu diatasi dengan kesabaran yang tinggi, ketika Nabi Muhammad menyampaikan dakwah kepada penduduk Makkah.

Kedua, kurniaan daripada Allah berupa perjalanan Israk dan Mikraj dan perintah solat, hasil daripada kesabaran Rasulullah yang tinggi.

Ketiga, solat menjadi senjata bagi Rasulullah dan kaum Muslimin untuk bangkit merebut kemenangan.

**TENGGU FAIZAH
TENGGU YUSOP,**

*Universiti Sains Islam Malaysia
(USIM).*